

remaja  
m2 • JUMAAT  
14 Januari 2011/  
9 Safar 1432H

### Info

*Misi CAIS adalah menyediakan kemudahan akses ke arabis pengetahuan dan sumber maklumat, mendapatkan bahan untuk sumber ilmu dan memperkembangkan kemahiran dalam mencari dan menggunakan maklumat di kalangan pengguna.*



**LAWATAN ILMU...** 40 ahli Pusat Sumber Insititut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang merakam gambar selepas melawat Pusat Perkhidmatan Informasi Akademik di Universiti Malaysia Sarawak...

# Ahli Pusat Sumber IPGKBL lawat CAIS Unimas

SERAMAI 40 guru pelatih yang menyertai Kelab Pusat Sumber Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGKBL) baru-baru ini mengadakan lawatan ke perpustakaan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) yang dikenali sebagai Pusat Perkhidmatan Informasi Akademik (CAIS).

Tujuan lawatan diadakan adalah untuk menimba ilmu pengetahuan tentang sistem pengurusan Pusat Sumber dan mendedahkan tentang

ilmu baru berkaitan kemudahan perpustakaan kepada ahli Kelab Pusat Sumber terutama kepada ahli baru Kelab Pusat Sumber IPGKBL.

Rombongan lawatan diiringi oleh empat staf Pusat Sumber IPGKBL yang diketuai oleh Norjehan iaitu wakil Penyelarasan Pusat Sumber IPGKBL dan seorang kakitangan dalam Jabatan Hal Ehwal Pelajar selaku pensyarah pengiring bagi pelajar iaitu Mohamad Hamdan.

Satu sesi taklimat diberikan oleh pihak CAIS di auditorium yang terletak di dalam bangunan CAIS.

Auditorium yang terletak di tingkat aras bawah yang dapat memuatkan seramai 150 orang pada satu-satu masa.

Taklimat yang mengambil masa selama sejam itu disampaikan oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Hajah Sumaizan Ramli.

Taklimat yang disampaikan berkaitan dengan sistem pengurusan dan kemudahan yang ada di CAIS.

